

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi 2017,2016 dan 2015 secara perbandingan.
- b) Sila nyatakan prestasi pelaburan Negeri Selangor 2017 secara perbandingan dengan Negeri-Negeri lain.
- c) Sila nyatakan apakah langkah proaktif yang telah dilakukan oleh KNS untuk menarik lebih banyak pelaburan.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pelaburan yang diperolehi bagi tahun 2017, 2016 dan 2015 secara perbandingan seperti berikut;-

<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Peluang Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Tempatan (RM)</b>	<b>Pelaburan Asing (RM)</b>	<b>Jumlah Modal Pelaburan (RM)</b>
<b>2015</b>	222	14,139	4,182,475,179	3,781,323,681	<b>7,963,798,860</b>
<b>2016</b>	242	16,427	4,529,119,807	3,351,647,567	<b>7,880,767,374</b>
<b>2017</b>	202	10,031	3,427,583,083	2,164,898,536	<b>5,592,481,619</b>
<b>Jumlah</b>	<b>666</b>	<b>40,597</b>	<b>12,139,178,069</b>	<b>9,297,869,784</b>	<b>21,437,047,853</b>

Sumber : MIDA

- b) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2017, sebanyak 202 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor oleh MIDA dengan nilai pelaburan berjumlah RM 5,592,481,619 (RM 5.592 bilion). Daripada jumlah ini, sebanyak RM 3,427,583,083 (RM 3.428 bilion) adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 2,164,898,536 (RM 2.165 bilion) daripada pelaburan asing.

Dari segi nilai pelaburan, Selangor menduduki tempat ke empat selepas negeri Johor, Pulau Pinang dan Sarawak. Walaupun begitu, Selangor mencatatkan jumlah kelulusan projek tertinggi berbanding negeri – negeri lain dengan 202 projek perkilangan.

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor D.T.	146	10,174	16,825,064,700	5,102,708,912	21,927,773,612
Pulau Pinang	120	13,553	2,271,389,591	8,540,493,587	10,811,883,178
Sarawak	20	751	10,182,900,344	351,489,945	10,534,390,289
<b>Selangor D.E.</b>	<b>202</b>	<b>10,031</b>	<b>3,427,583,083</b>	<b>2,164,898,536</b>	<b>5,592,481,619</b>
Melaka	37	4,308	2,396,891,660	2,257,779,700	4,654,671,360
Pahang D.M.	19	5,041	2,138,864,364	823,137,946	2,962,002,310
Kedah D.A.	41	3,004	1,374,858,158	1,160,094,013	2,534,952,171
Perak D.R.	45	5,460	1,673,125,204	333,969,244	2,007,094,448
Negeri Sembilan D.K.	28	2,304	382,323,197	724,145,947	1,106,469,144
Sabah	14	827	740,228,719	45,017,489	785,246,208
Perlis I.K.	3	342	525,000,000	0	525,000,000
W.P. - Kuala Lumpur	7	414	161,868,215	3,606,778	165,474,993
Terengganu D.I.	4	204	37,508,416	35,615,300	73,123,716
Kelantan D.N.	1	8	4,200,000	0	4,200,000
W.P.- Labuan					0
<b>Jumlah</b>	<b>687</b>	<b>56,421</b>	<b>42,141,805,651</b>	<b>21,542,957,397</b>	<b>63,684,763,048</b>

Sumber : MIDA

- c) Bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah - langkah seperti berikut;-

**Strategi jangka masa panjang;-**

- i. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti;-

1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
  2. Halal International Selangor Council
  3. *Selangor Aerospace Council*
  4. *Bio Tech - Council*
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi pengalakkan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-Negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
  - iv. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik.
  - v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
  - vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
  - vii. Cadangan pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
  - viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
  - ix. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.

**Strategi jangka masa pendek:-**

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.

- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukkan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : KERJA PENYELENGGARAAN LONGKANG KEMPUNG SERI AMAN  
MELALUI BAJET YANG TELAH DILULUSKAN OLEH DATO' MENTERI  
BESAR**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah akan bermulanya kerja-kerja penyelenggaraan longkang-longkang Kampung Seri Aman melalui bajet yang telah diluluskan oleh Dato' Menteri Besar Selangor semasa lawatan turun padang beliau di Kampung tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, pelaksanaan kerja-kerja rekabentuk terperinci bagi Kerja-kerja Menaiktaraf Parit Utama dan Sistem Parit Dalam dan Kerja-kerja Berkaitan di Kampung Seri Aman, Daerah Petaling, Selangor telah pun selesai dilaksanakan. Tujuan pelaksanaan rekabentuk terperinci ini dijalankan terlebih dahulu bagi mengenalpasi punca sebenar serta jalan penyelesaian secara menyeluruh bagi masalah berlakunya kejadian banjir di Kampung Seri Aman. Kerja-kerja pembinaan fizikal bagi projek ini dijangka akan dapat bermula menjelang bulan Julai 2018 dan siap sepenuhnya pada tahun 2019 sekiranya tiada isu pengambilan tanah serta pengalihan utiliti terlibat sepanjang tempoh pembinaan projek berjalan.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Secara keseluruhannya, siling peruntukan sebanyak RM11,050,000.00 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi mengatasi isu dan masalah banjir yang berlaku di Kampung Seri Aman. Sebagai permulaan projek ini, sebanyak RM2,000,000.00 telah diluluskan dalam tahun 2018 bagi menjalankan kerja-kerja rekabentuk terperinci serta pembinaan projek di peringkat awalan. Hasil daripada kajian serta rekabentuk yang dilaksanakan, di antara langkah penyelesaian yang diambil bagi mengatasi masalah banjir di Kampung Seri Aman ini adalah dengan menaiktaraf sistem saliran serta perparitan sedia ada dengan mendalamkan serta melebarkan parit sepanjang 3.75 kilometer, menaiktaraf struktur-struktur saliran yang terlibat di sepanjang jajaran parit, menaiktaraf jalan sedia ada serta kerja-kerja lain yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : SKIM SMART SELANGOR 'FIRST HOME BUYERS'**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kelayakan untuk rakyat Selangor untuk mendapatkan manfaat Skim Smart Selangor 'First Home Buyers' yang dilancarkan baru-baru ini?
- b) Jumlah dan lokasi rumah yang telah disiapkan setakat ini.
- c) Jumlah dan lokasi rumah yang masih belum disiapkan dan bila jangkaan.

**JAWAPAN:**

- a) Berikut merupakan kriteria kelayakan untuk permohonan Skim Smart Selangor First Home Buyers :
  - i. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas;
  - ii. Jumlah pendapatan permohonan Rumah Selangorku Jenis A,B,C dan D tertakluk kepada syarat-syarat semasa Rumah Selangorku;
  - iii. Pemohon atau pasangan tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor;
  - iv. Permohonan pindahmilik kepada pihak ketiga (subsale) hanya dibenarkan selepas 5 tahun dari Perjanjian Jual Beli dengan PKNS;
  - v. Pembelian rumah untuk didiami bukan untuk disewakan.

- b) Berikut merupakan senarai projek telah siap untuk ditawarkan kepada pembeli di bawah Skim Smart Selangor First Home Buyers :

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit
1.	Gombak	Kota Puteri	Town House 2 Tingkat (900 kps)	198
2.	Hulu Selangor	Antara Gapi	Rumah Teres 1 ½ Tingkat (20' x 60')	129
3.	Hulu Selangor	Antara Gapi	Teres 2 Tingkat (20' x 60')	80
<b>JUMLAH</b>				<b>407</b>

- c) Manakala bagi projek di dalam pembinaan dan perancangan yang ditawarkan di bawah Skim Smart Selangor First Home Buyers adalah seperti berikut :

• **Projek Dalam Pembinaan :**

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit	Jangka Siap
1.	Hulu Selangor	Taman Keruing, Rasa	Teres 2 Tingkat	66	2019
2.	Sepang	Selangor Cyber Valley	Pangsapuri 14 & 15 Tingkat	864	2021
3.	Klang	Kg. Jawa (Sdn. Bhd)	Pangsapuri 4 Tingkat	84	2019
<b>JUMLAH</b>				<b>1,014</b>	

- Projek Dalam Perancangan :

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit	Jangka Siap
1.	Gombak	Kota Puteri	Pangsapuri (1,000 kps)	930	2021
			Teres 2 Tingkat (18' x 60')	140	2020
			Teres 2 Tingkat (20' x 60')	210	2020
		Kg. Sri Temenggung (Syarikat Penswastaaan PKNS - Syarikat Rexpoint Resources Sdn Bhd)	Pangsapuri (750 – 1,000 kps)	420	2021
2.	Hulu Selangor	Bernam Jaya	Teres 2 Tingkat (20' x 60')	100	2020
3.	Shah Alam	Seksyen U5, Subang Bestari (Anak Syarikat PKNS – Worldwide Holdings Bhd)	Pangsapuri (800 kps & 1,000 kps)	168	2021
			Pangsapuri (1,000 kps)	54	2021
	<b>JUMLAH</b>			<b>2,022</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : BANTUAN USAHAWAN PETANI MUDA**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Negeri Selangor menyediakan bantuan khusus kepada usahawan petani muda?
- b) Jika ada apakah jenis bantuan yg diberikan dan jumlah usahawan petani yg telah menerima bantuan tersebut setakat ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat memberikan galakan kepada golongan usahawan tani muda untuk menceburkan diri di dalam sektor pertanian. Bagi memastikan hasrat tersebut tercapai, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM3,548,975.00 dalam bentuk bantuan peralatan dan input pertanian.
- b) Jenis bantuan yang disediakan kepada golongan generasi muda tersebut adalah berbentuk bantuan peralatan dan input pertanian untuk bidang tanaman, ternakan dan akuakultur. Antara program yang menyediakan bantuan kepada golongan tersebut adalah seperti berikut :-

**1. Program Agro Generasi Muda Selangor (AGROGEMS)**

Program AGROGEMS yang mula dilaksanakan sejak tahun 2015 telah berjaya melatih, memperkasakan serta memberikan maklumat awal kepada seramai 1,044 golongan generasi muda samada sedang melaksanakan projek pertanian atau yang berminat untuk menceburi sektor pertanian.

Daripada jumlah tersebut, seramai 180 usahawan Agrogems telah diberikan insentif untuk membantu mereka meningkatkan lagi produktiviti mereka. Insentif tersebut adalah merupakan bantuan yang berbentuk peralatan dan input pertanian dengan jumlah keseluruhan RM3,344,842.00.

## 2. **Program Warisan Ternak Oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) juga telah melaksanakan program khusus untuk generasi muda iaitu Program Warisan Ternak. Program ini dibuka kepada golongan generasi muda yang berumur 40 tahun ke bawah yang berhasrat untuk meneruskan projek yang telah dimulakan oleh generasi terdahulu seperti datuk, bapa dan bapa saudara masing-masing. Matlamat utama program ini adalah untuk menyelamatkan projek-projek penternakan yang berpotensi, yang menghadapi risiko untuk ditutup sekiranya tidak diteruskan oleh generasi muda.

Dalam Rancangan Malaysia Ke 11, seramai 3 orang generasi muda telah menerima bantuan ternakan iaitu 5 ekor lembu tenusu, 10 ekor lembu pedaging dan 11 ekor kambing yang kesemuanya bernilai hampir RM120,000.

Pada tahun 2017 pula, seramai 3 orang usahawan generasi muda pula telah menerima 5 ekor lembu pedaging setiap seorang dan seorang belia telah menerima 11 ekor bebiri yang keseluruhannya bernilai hampir RM84,000.

Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan bagi membantu golongan generasi muda melalui program tersebut adalah sebanyak RM204,000.00 yang melibatkan seramai 7 usahawan generasi muda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEDUDUKAN REZAB KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan dengan terperinci berapakah jumlah rezab kewangan Negeri Selangor sehingga 31/12/17.
- b) Sila huraikan keberkesanan dasar KNS yang memfokuskan Belanjawan pembangunan lebih daripada pengurusan.
- c) Sila nyatakan secara terperinci bagaimana amalan dasar perbelanjaan berhemah membantu memperkukuhkan rezab KNS.

**JAWAPAN:**

Y.B. Tuan Speaker,

Soalan mengenai Rizab Negeri ini akan dijawab bersekali dengan soalan 68 oleh YB Batang Kali.

- a) Rizab Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM2,838.82 juta. Jumlah tersebut dikumpul melalui Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM1,082.36 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1,756.46 juta.
- b) Sejak tahun 2016 Kerajaan Negeri Selangor telah berusaha meningkatkan Peruntukan Pembangunan yang lebih tinggi berbanding Peruntukan Mengurus. Pada tahun 2016 peruntukan pembangunan adalah berjumlah RM1,364.47 juta iaitu 49% berbanding peruntukan mengurus berjumlah RM1,399.21 juta iaitu 51%. Pada tahun 2017 pula peruntukan pembangunan berjumlah 1,631.75 juta iaitu 51% berbanding perbelanjaan mengurus berjumlah RM3,217.75 iaitu 49%. Malanaka Belanjawan tahun 2018 pula, peruntukan pembangunan berjumlah RM1,660 juta iaitu 53% dan peruntukan mengurus berjumlah RM3,120.00 juta iaitu 47%.

Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya membelanjakan lebih 90% daripada peruntukan yang diluluskan untuk manfaat dan kepentingan rakyat Negeri Selangor. Diantara projek projek pembangunan yang berimpak tinggi adalah:

- i. Projek Mitigasi 2 iaitu meningkatkan kapasiti bekalan air terawat dan menambahbaik sistem agihan bekalan air bernilai RM328 juta,
- ii. Loji Rawatan Air Semenyih 2 bernilai RM188 juta,
- iii. Jambatan Ketiga Klang untuk menyurai kesesakan trafik yang berjumlah RM250 juta,
- iv. Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan dagang bernilai RM427 juta,
- v. Projek Menaiktaraf Jalan Reko, Kajang bernilai RM65 juta dan lain-lain projek yang memberikan kesejahteraan kepada rakyat Negeri selangor.

c) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemah yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban serta akauntabiliti dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*) melalui kaedah perolehan yang holistik seperti berikut:

- i. Mengwujudkan sistem tender terbuka didalam semua perolehan Kerajaan Negeri.
- ii. Kaedah Penilaian secara "Cut Off" iaitu penentuan harga munasabah berdasarkan nilai projek.
- iii. Mengeluarkan pekeliling perbelanjaan berhemah

Hasil daripada perbelanjaan berhemah tersebut, Kerajaan Negeri berjaya merekodkan penjimatan yang signifikan dalam perolehan Kerajaan pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM232.25 juta peruntukan perbelanjaan sekaligus membantu meningkatkan rizab negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : TANAH DI IJOK, SELANGOR**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cerita sebenar berikutan tanah di Ijok?
- b) Terangkan kronologi pemberian tanah, rampasan tanah oleh Kerajaan Negeri dan terbaharu pemberian wang tunai, rumah serta menandatangani perjanjian.

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali 'a' dan 'b'

**KRONOLOGI:**

1. Pada asalnya tanah ini merupakan tanah hutan simpan Bukit Cherakah yang telah dikeluarkan dari simpanan hutan oleh MMKN bertarikh 29.11.1973 bagi maksud pertanian dengan keluasan lebih kurang 6,750 ekar.
2. MMKN ke 20.1.1977 pada dasarnya telah meluluskan 6,750 ekar tanah kerajaan untuk dimajukan dibawah Rancangan Revolusi Hijau Peringkat 1 dengan keluasan 2,820 ekar yang mengandungi 651 peserta dengan diberi 3 ekar setiap peserta.
3. Rancangan ini diserahkan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk dimajukan dengan diberi kelulusan lesen menduduki sementara dan peserta-peserta menandatangani surat akuan persetujuan tanah ini dibangunkan oleh PKPS tertakluk syarat-syarat yang dikenakan oleh PKPS.
4. MMKN bertarikh 27.7.1994 telah meluluskan pengeluaran hakmilik kepada peserta Revolusi Hijau Bukit Cherakah Peringkat 1. Bagaimanapun kelulusan telah dipinta serta diluluskan pada 5.3.1997 yang melibatkan hanya seramai 648 peneroka sahaja dan pindaan syarat kelulusan pengeluaran hakmilik.
5. Exco MTES pada 19.12.2000 telah meluluskan pemberimilikan tanah Revolusi Hijau II dan III pada Syarikat Mujur Zaman Sdn Bhd seluas lebih kurang 2,136 ekar (melibatkan 712 peserta) dan Syarikat Liputan Canggih seluas lebih kurang 1,077

ekar (melibatkan 359 peserta). Bagaimanapun kedua-dua syarikat ini tidak dapat meneruskan pembangunan berkenaan.

6. UPEN telah mengemukakan permohonan Pengambilan Balik Tanah bertarikh 3.8.2012 dan telah diwartakan pada 11.10.2012 dengan No. Warta Pengambilan 4459 dengan maksud 'Permohonan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3 (1) (a) dan Pengisytiharan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi Tujuan Awam untuk Membolehkan Perancangan Semula Pembangunan Bandar ALam Mutiara Selaras dengan Pembangunan Sekeliling bagi Menaiktaraf Hidup Penduduk Kuala Selangor dan Mukim Ijok Khususnya dengan melibatkan 14 hakmilik Syarikat Mujur Zaman Sdn Bhd dengan keluasan 423.08 hektar dan satu hakmilik Ringgit Exotika Sdn Bhd dengan keluasan 34.95 hektar.
7. Bagaimanapun sehingga 'Borang E (Siasatan Pengambilan Tanah) dibawah Seksyen 10 Akta Pengambilan 1960 dilaksanakan', Syarikat Mujur Zaman telah mengemukakan saman ke Mahkamah dengan melibatkan Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pendaftar Hakmilik Negeri Selangor, Pentadbir Tanah Kuala Selangor, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato Abdul Khalid Bin Ibrahim, Kerajaan Negeri Selangor dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) sebagai Responden-Responden.
8. Dalam waktu prosedur saman dilaksanakan, terdapat satu syarikat iaitu Syarikat Paragon Pinnacle Sdn Bhd (anak Syarikat Eco World Development) telah berminat untuk membeli serta memajukan tanah-tanah berkenaan.
9. Pada 17 Mei 2016 satu Perintah Mahkamah telah dikeluarkan iaitu reponden Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pendaftar Hakmilik Negeri Selangor, Pentabir Tanah Kuala Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor menarik balik prosiding pengambilan tanah dengan membuat pemberitahuan berkenaannya di dalam Warta menurut Seksyen 35 (1A) APT 1960 dan membuat nota berkenaannya menurut Seksyen 35 (4) APT 1960 bagi tanah-tanah perayu kedua iaitu Syarikat Mujur Zaman Sdn Bhd.
10. Dengan penarikan ini, Syarikat Paragon Pinnacle Sdn Bhd (anak Syarikat Eco World Development) telah membeli tanah-tanah berkenaan serta menyelesaikan apa-apa masalah yang berkaitan diantara kedua-dua syarikat berkenaan termasuk penyelesaian peneroka-peneroka tanpa melibatkan Kerajaan Negeri Selangor.

11. Syarikat Paragon Pinnacle Sdn Bhd (anak Syarikat Eco World Development) pada 11.01.2016 telah memasuki Perjanjian Penyelesaian bersama Syarikat Mujur Zaman Sdn Bhd, Syarikat Liputan Canggih Sdn Bhd dan Jawatankuasa Bertindak Projek Terbengkalai Alam Mutiara dan Alam Perdana yang mengikat Paragon Pinnacle Sdn Bhd untuk menyelesaikan permasalahan di antara Syarikat Mujur Zaman Sdn Bhd dan Syarikat Liputan Canggih Sdn Bhd bersama peneroka-peneroka.
12. Syarikat Paragon Pinnacle Sdn Bhd perlu menyediakan 987 unit rumah berkeluasan 20' x 70' kepada peneroka yang layak.
13. Selain daripada itu, Syarikat Paragon Pinnacle Sdn Bhd juga perlu menyelesaikan pembayaran pempasan sejumlah RM 44,378,007.86 kepada peneroka dan dibayar kepada Peguam yang dilantik iaitu Messrs, Daim & Gamany.
14. Syarikat Eco World bersetuju menyelesaikan masalah-masalah peneroka termasuk pemberian wang dan membina rumah peneroka mengikut perjanjian terdahulu yang telah ditandatangani oleh peneroka dengan syarikat sebelumnya.
15. Berdasarkan perkara ini, tiada rampasan tanah yang dibuat melainkan hanya di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Kerajaan Negeri Selangor juga tiada mengeluarkan sebarang bayaran kepada mana-mana pihak serta telah menjimatkan kewangan Kerajaan Negeri sekiranya prosedur pengambilan balik diteruskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN INDIA**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status program usahawan India, mengikut jenis perniagaan yang ditawarkan serta DUN yang berjaya mengikuti program tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pada 31 Oktober 2016 di dalam Pembentangan Belanjawan 2017 Negeri Selangor yang lalu, Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah mengumumkan sebanyak RM1,000,000.00 diperuntukan bagi tujuan Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor atau *Selangor Indian Entrepreneurship and Capacity Building Program : Towards Economic Resilience, Empowerment and Upward Mobility*.

Seramai 418 orang peserta yang telah mengikuti Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor pada tahun 2017. Sebanyak 10 jenis kursus yang telah dijalankan di bawah program ini dan dilaksanakan di enam (6) daerah di Negeri Selangor iaitu Petaling, Klang, Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat dan Gombak.

Sebanyak 198 usahawan telah memulakan perniagaan setelah menyertai Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor. Setiap kursus dapat menghasilkan usahawan yang dapat membina perniagaan mereka sendiri mahupun mendapat peluang pekerjaan baru. Tiga kategori kursus utama yang menyumbang kepada peluang pekerjaan adalah daripada kursus Kalungan Bunga Malai sebanyak 60 usahawan, *E-Digital Marketing* sebanyak 25 usahawan dan *Nail Art, Medicure And Pedicure And Waxing* sebanyak 20 usahawan. Lain-lain kursus seperti Fotografi pula masing-masing seramai 18 usahawan. Manakala kursus Aksesori Wanita, Bakeri (Kek dan Biskut) dan *Facial and Bridal* masing-masing seramai 15 usahawan. Manakala kursus Jahitan Blaus, Pembuatan Kuih Tradisional, *Facial and Bridal* dan *Graphic And Design* masing-masing mempunyai 10 usahawan yang telah mempunyai peluang pekerjaan. Perincian usahawan yang berjaya memperolehi peluang pekerjaan adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Program/Kursus</b>	<b>Bil peserta yang telah memulakan perniagaan</b>	<b>Sumber pendapatan</b>
1.	Fotografi	18	Tempahan majlis perkahwinan, majlis am dan lain-lain
2.	Aksesori Wanita	15	Facebook dan pemasaran online
3.	Jahitan Blaus	10	Berniaga dari rumah
4.	Pembuatan kuih tradisional	10	Tempahan musim perayaan, program am dan majlis keramaian.
5.	Bakeri (Kek dan Biskut)	15	Tempahan musim perayaan, program am dan majlis keramaian.
6.	<i>Graphic and Design</i>	10	Bekerja secara <i>free lance</i> di kedai grafik dan tempahan persendirian.
7.	<i>Nail art, medicure and pedicure and waxing</i>	20	Tempahan majlis keramaian
8.	<i>Facial and Bridal</i>	15	Mini spa di rumah dan tempahan majlis keramaian
9.	Kalungan bunga malai	60	Kedai bunga, pemasaran online dan tempahan persendirian
10.	<i>E-digital marketing</i>	25	Perniagaan persendirian
<b>JUMLAH</b>		<b>198</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : WANG RIZAB NEGERI**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini wang Rizab Negeri.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan wang Rizab Negeri pada 2017.
- c) Senaraikan sumber peningkatan wang Rizab Negeri.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Kumpulan Wang Disatukan (KWDS) sehingga 31 Disember 2017 berjumlah RM2,838.82 juta. Ia terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM1,082.36 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1,756.46 juta.
- b) Berikut adalah Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 2017

Jumlah Hasil	<b>RM 2,810.10 juta</b>
Belanja Mengurus	RM 1,586.00 juta
Belanja Pembangunan	<u>RM 1,631.75 juta</u>
Jumlah Belanja	<u><b>RM 3,217.75 juta</b></u>

- c) Usaha meningkatkan rizab Negeri dilaksanakan melalui:
  - 1. Mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Negeri Selangor;
  - 2. Mengkaji sumber Hasil baru Negeri Selangor bersama Jabatan Pemungut Hasil .
  - 3. Melaksanakan Sesi engagement dengan Jabatan / Agensi berkenaan bagi mendapatkan hasil yang perlu diterima oleh Kerajaan Negeri. (Sesi engagement bersama Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), JPPH, PTGS dan PDT);
  - 4. Melaksanakan Operasi Mengutip Cukai Tanah Tertunggak Ke Atas Penunggak Tegar (Ops. Kutip) PNS bersama PDT;

5. Menggalakkan Program Perjumpaan Bersama Penduduk oleh PDT dan Anak Syarikat / Agensi Kerajaan Negeri Selangor;
6. Pengiklanan meningkatkan kesedaran bayaran cukai tanah melalui surat khabar oleh PNS. Pada tahun 2018, iklan komersial di saluran TV dan media sosial akan dilaksanakan oleh pihak PTG Selangor; dan
7. Mengadakan Bengkel dan Sesi Percambahan Fikiran Bersama Pejabat Tanah Galian Selangor dan Pejabat Tanah / Daerah yang memberikan fokus bagi mencari idea dan strategi penyelesaian tunggakan cukai tanah hakmilik bermasalah.
8. Mewujudkan Jawatankuasa Khas Pemantauan Kutipan Hasil Premium Tanah 2017 yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dengan dihadiri oleh semua Pegawai Daerah;
9. Mengadakan Sesi engagement yang berterusan oleh pihak PTGS dan PTD dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang dikenakan;
10. Melaksanakan kutipan hasil baru yang bermula pada tahun 2017 iaitu Pajakan Tanah Rizab Kerajaan dan Pemberimilikan Tanah secara Tender Terbuka;
11. Pengiraan Semula Cukai Tanah (PCT) setiap 10 tahun telah dilaksanakan pada tahun 2017 berdasarkan Kanun Tanah Negara.
12. Task Force Penyelesaian Hakmilik Bermasalah Bertunggakan yang berhadapan dengan isu teknikal tanah oleh PTG Selangor. Task Force ini membuat siasatan bersama PDT bagi menyelesaikannya masalah secara kes demi kes. Laporan penyelesaian hakmilik bermasalah dan pengurangan tunggakan cukai tanah dibentangkan dalam Mesyuarat Pemantauan Hasil Cukai Tanah Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri; dan
13. Mengadakan Sesi engagement oleh PTGS dan PTD dengan Jabatan Insolvensi / pelikuidasi bagi mendapatkan bayaran kutipan cukai tanah daripada pemaju yang telah digulung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : APLIKASI TELEFON TEMPAT LETAK KERETA**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah sambutan dan kegunaan orang ramai terhadap Aplikasi Telefon Tempat Letak Kereta di setiap PBT sehingga sekarang berbanding dengan pembayaran melalui wang tunai dan kupon?

**JAWAPAN:**

- a) Penggunaan Aplikasi Telefon Tempat Letak Kereta telah dilaksanakan di MBSA, MPAJ, MPS, MPKj, MPSp, dan MDKL. Aplikasi ini merupakan sistem bayaran tempat letak kereta pintar menggunakan telefon mudah alih sebagai kaedah alternatif pembayaran melalui mesin tiket dan kupon di PBT Negeri Selangor yang boleh dimuat turun secara percuma di *Android Play Store* atau *Apple Apps Store*.

Sambutan dan penggunaan Aplikasi ini juga diterima baik oleh pengguna dan menunjukkan jumlah peningkatan yang amat menggalakkan dengan nilai kutipan sehingga Feb 2018 tidak melebihi RM646,210.35. Walau bagaimanapun, pembayaran melalui mesin tiket dan kupon masih menjadi pilihan pengguna berbanding penggunaan Aplikasi Telefon Tempat Letak Kereta.

Aplikasi ini diperkenalkan bagi mengurangkan masalah dan aduan pengguna berkaitan kesukaran mendapatkan kupon serta salah menggores kupon. Melalui aplikasi ini juga, pengguna akan diberi peringatan sepuluh minit lebih awal sebelum tamat tempoh letak kenderaan. Ia juga dapat mengurangkan risiko pemilik kenderaan disaman oleh penguat kuasa.

Selain itu, dimaklumkan juga MBPJ, MPK, MPSJ, MDKS, MDHS dan MDSB masih belum melaksanakan lagi Penggunaan Aplikasi Telefon Tempat Letak Kereta ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KAWASAN TADAHAN AIR DI SELANGOR**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kawasan tadahan air yang belum lagi digezetkan dan nyatakan tempat-tempat berkenaan?
- b) Nyatakan sebab-sebab ianya belum digezetkan dan bilakah dijangka ia akan selesai?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah pun mengezetkan kesemua tujuh (7) kawasan tadahan air empangan di Negeri Selangor yang melibatkan keluasan 47,479.09 hektar no. Gezat 3959. Pengezetan kawasan tadahan air ini di bawah peruntukan Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999 sebagai kawasan zon perlindungan iaitu,
  - i) Empangan Klang Gate. (No. Pelan Warta PW1526)
  - ii) Empangan Batu. (No. Pelan Warta PW1527)
  - iii) Empangan Langat. (No. Pelan Warta PW1557)
  - iv) Empangan Sungai Selangor. (No. Pelan Warta PW1558)
  - v) Empangan Semenyih. (No. Pelan Warta PW1559)
  - vi) Empangan Sungai Tinggi. (No. Pelan Warta PW1560)
  - vii) Empangan Tasik Subang. (No. Pelan Warta PW1561)
- b) Semua kawasan tadahan air empangan telah digezetkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN DI KAMPUNG**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kes-kes jenayah semakin meningkat dan kemalangan di jalanraya sering berlaku di kawasan kampung berpunca daripada kawasan gelap. Adakah rancangan dan peruntukan dari Negeri Selangor untuk memasang lampu2 jalan dan mencerahkan kawasan2 kritikal di kampung?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin akan keselamatan rakyat di luar bandar. Bagi memastikan keselamatan terjamin, pada tahun 2018 Kerajaan Negeri telah meluluskan RM10 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur kemudahan awam, di mana ia merangkumi skop pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan yang melibatkan jenayah dan juga kemalangan. Ini bagi memastikan jumlah kes-kes jenayah dan kemalangan yang berlaku di luar bandar akan semakin berkurang. Pertimbangan diberikan setelah mendapat pengesahan daripada Pejabat Daerah bagi menanggung kos bil elektrik yang perlu dibayar menggunakan belanja mengurus sedia ada Pejabat Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : BAS SELANGORKU DAERAH SABAK BERNAM**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah Bas Selangorku daerah Sabak Bernam.
- b) Nyatakan secara terperinci kos pengurusan bas tersebut.
- c) Nyatakan jumlah pengguna bas tersebut mengikut jantina.

**JAWAPAN:**

- a) 3 buah bas  
2 buah bas bagi laluan SB01: Sekinchan – Sungai Besar – Sabak Bernam  
1 buah bas bagi laluan SB02: Sabak Bernam – Sungai Air Tawar – Sungai Lang  
Pekan Parit Baharu.
- b) Operator bas yang telah dilantik adalah Wawasan Sutera Travel and Tour Sdn Bhd. Kos perbelanjaan yang ditetapkan adalah RM800.00/ hari. Perbelanjaan ditanggung oleh kerajaan negeri keseluruhannya.
- c) Maklumat jumlah penumpang mengikut jantina tiada. Jumlah keseluruhan penumpang Bas Smart Selangor bermula operasi dari bulan Mei 2016 hingga Januari 2018 berjumlah 193,911 orang dan kos yang telah dibelanja sebanyak RM914,460.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PERODUA JALAN UNIVERSITI**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tindakan penguatkuasaan terhadap permis Perodua Jalan Universiti sejak perkara ini dibincang dalam sidang dewan yang lepas.

**JAWAPAN:**

- a) Tindakan penguatkuasaan yang telah dan sedang dilakukan oleh Majlis berhubung keatas premis penjualan kereta perodua di Jalan Universiti adalah meliputi tindakan empat belas (14) kompaun dan satu (1) notis penguatkuasaan bagi kesalahan dibawah ***Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MBPJ 2007*** dan ***Undang- Undang Kecil Iklan MBPJ 2007*** serta kesalahan salahguna bangunan di bawah ***bawah Seksyen 70(12), Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)*** yang mana ianya dalam tindakan penyediaan fail pengaduan ke mahkamah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEKURANGAN DAN PEMBANGUNAN SEKOLAH AGAMA MENENGAH DI  
BAWAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR DI DAERAH KLANG**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pelajar sekolah rendah dan Menengah Agama Daerah sejak 2013 hingga 2018?
- b) Adakah ada halangan menambah kelas, guru dan kakitangan untuk sekolah menengah agama sediaada?
- c) Bagaimanakah Sekolah Agama Menengah Nurul Iman dapat membantu pengurangan kepadatan pelajar di SMK Meru?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut merupakan bilangan pelajar Sekolah Rendah dan Menengah Agama Daerah sejak 2013 hingga 2018:

Kategori Sekolah Agama	Tahun					
	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Sekolah Rendah Agama	129,378	132,270	134,741	136,906	135,441	139,571
Sekolah Menengah Agama	13,200	13,716	15,215	16,690	13,790	12,716

- b) Secara asasnya tiada halangan untuk menambah kelas, guru dan kakitangan bagi sekolah agama menengah sedia ada. Walaubagaimanapun, keutamaan bajet kali ini adalah untuk pembangunan maahad tahfiz yang diuruskan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.
- c) Sekolah Agama Menengah Nurul Iman tidak boleh menjadi alternatif bagi mengurangkan kepadatan pelajar di SMK Meru kerana kepadatan penduduk di sekitar kawasan SMK Meru jauh lebih tinggi berbanding kepadatan di sekitar SAM Nurul Iman. Tambahan pula, SAM Nurul Iman agak jauh dari SMK Meru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENGGANTIAN PAIP AIR**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Gangguan bekalan air di Petaling Jaya Seksyen 14 sering berlaku disebabkan paip lama yang selalu pecah. Bilakah penggantian paip air akan dijalankan di kawasan berkaitan?
- b) Sila nyatakan senarai projek penggantian paip oleh Air Selangor mengikut daerah.

**JAWAPAN:**

- a) Air Selangor telah mengenalpasti 84 lokasi Hotspots bagi pelaksanaan program penggantian paip dibawah program tahun 2016 sehingga 2019 melibatkan paip sepanjang 423 km. Program penggantian paip ini adalah dilaksanakan mengikut keutamaan iaitu berdasarkan kedudukan ("*ranking*") paip pecah.

Seksyen 14 Petaling Jaya telah disenaraikan dalam Program Penggantian Paip bagi tempoh tiga (3) tahun akan datang, iaitu tahun 2019 hingga 2021 berdasarkan kedudukannya di dalam "*ranking*" Air Selangor.

- b) Senarai lokasi projek penggantian paip bagi 84 hotspots yang telah diluluskan mengikut daerah adalah seperti berikut.

No.	Pakej	Hotspot	Wilayah	Status Terkini
1	1A	Gombak Setia	Gombak	Projek telah siap sepenuhnya.
2		Tmn Sri Gombak		
3		Tmn Melawati		
4	1B	Brickfields	Kuala Lumpur	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja pada April 2018.
5		Kg Cheras Baru		
6		Bandar Tun Razak		
7	2A	Seksyen 17, Petaling	Petaling	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja pada April 2018.
8		Kg Sg Kayu Ara		
9	2B	Tmn Cempaka	Kuala Lumpur	Projek dalam pembinaan.

No.	Pakej	Hotspot	Wilayah	Status Terkini
10		Bangsar		Jangkaan siap kerja pada April 2018.
11	3A	Kebun Baru	Kuala Langat	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja pada April 2018.
12		Batu 9, Kg Kebun Baru		
13		Bkt Changgang		
14	3B	Jln Meru	Klang	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja pada April 2018.
15		Persiaran Kayangan		
16	4A	Seksyen 5, Bkt Gasing	Petaling	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja pada April 2018.
17		Kg Baru Subang		
18	4B	Kg Tasik Permai	Gombak	Projek telah siap sepenuhnya.
19	5A	Tmn Putra Perdana, Puchong	Sepang	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja pada April 2018.
20		Kg Assam Kumbang	Hulu Selangor	
21	5B	Bandar Rinching Seksyen 2	Hulu Langat	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja pada April 2018.
22		Country Heights		
23		Bandar Rinching Seksyen 5		
24	6	Kg Tasek Permai	Gombak	Jangkaan siap kerja pada awal 2019.
25		Jln Syed Mansor KKB	Hulu Selangor	
26		Seksyen 3, Shah Alam	Klang	
27		Seksyen 7, Shah Alam		
28		Tmn Hiew Piow	Hulu Langat	
29		Country Heights 2		
30	7	Taman Putra Perdana	Sepang	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja sebelum penghujung 2018.
31		Desa Pinggiran Putra		
32		Kg Limau Manis		
33		Tmn Pantai Sepang Putra		
34	8	Kg Baru Subang	Petaling	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja pada awal 2019.
35		Kg Melayu Subang		
36		Tmn Wawasan		
37		Taman Bkt Kuchai		
38		Kg Desa Aman		
39		Tmn Sri Serdang		
40	9	Kg Sungai Buaya	Kuala Langat	Projek dalam pembinaan. Jangkaan siap kerja sebelum penghujung 2018.
41		Kg Sg Kelambu		
42		Kg Labuhan Dagang		
43	10	Selayang Baru	Gombak	Projek dalam pembinaan. sebelum penghujung
44		FRIM Kepong		

No.	Pakej	Hotspot	Wilayah	Status Terkini
45		Kg Genting Permai Btg Kali	Hulu Selangor	2018.
46		Peringkat 3 Kg Sg Buaya		
47		Kg Lim Tan Rawang		
48		Jln Besar Kg Keliang		
49	11A	Shah Alam	Klang	Jangkaan siap kerja pada awal 2019.
50		Pelabuhan Klang		
51		Seksyen 16, Shah Alam		
52		Tmn Sri Andalas		
53		Teluk Pulai		
54		Jln Menteri Sg Besar	Sabak Bernam	
55		Kg Seri Tiram Jaya Tg Karang	Kuala Selangor	
56		Kg Pasifik Tin Bestari Jaya		
57		Kg Merbau Sempak	Petaling	
58	11B	Kg Kubu Gajah	Petaling	Projek dalam peringkat penilaian tender.
59	12	Jalan Cheras-Kajang	Hulu Langat	Projek dalam peringkat tender.
60		Hulu Langat Road		
61		Pumping Main Taman Segar	Kuala Lumpur	
62		Pumping Main Bangsar Villa		
63		Jln Jintan Tmn Supreme		
64		Pumping Main Sri Hartamas		
65		Taman Bukit Anggerik		
66		Kg Seri Delima		
67	13	Kg Bandar	Kuala Langat	Projek dalam peringkat tender.
68		Pekan Chodoi		
69		Kg Kanchong Tengah		
70		Kg Jenjarom		
71		Kg Seri Cheding		
72		Labu Lanjut	Sepang	
73	14	Kaw Perusahaan Batu Caves	Gombak	Projek dalam peringkat tender.
74		Kg Pasir Putih Kalumpang	Hulu Selangor	
75		Rumah Murah Rasa		
76		Tmn Seri Indah Bestari Jaya	Kuala Selangor	
77		Kg Sg Udang	Klang	
78		Tebuk Rukun Parit Baru	Sabak Bernam	
79		Sect 5 Kota Damansara	Petaling	

No.	Pakej	<i>Hotspot</i>	Wilayah	Status Terkini
80		Kg Paya Jaras	Petaling	penilaian tender.
81		Jln Rincing Hilir	Hulu Langat	
82		Jln Beranang		
83		Jalan Sg Lui		
84		Kg Kuala Pajam		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : GERAN PENYELIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat geran penyelidikan di dalam bidang sains dan teknologi khususnya bagi menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini tiada geran penyelidikan khusus Revolusi Perindustrian 4.0 di dalam bidang sains, teknologi di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pada tahun 2017, terdapat geran penyelidikan dan pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor yang telah di peruntukkan kepada Universiti Selangor (UNISel) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di Negeri Selangor berjumlah **RM951,641.80**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROGRAM PEDULI SIHAT**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kad Peduli Sihat yang telah dikeluarkan mengikut DUN.
- b) Nyatakan jumlah klinik yang berdaftar untuk program Peduli Sihat.
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat mengenai negeri-negeri lain yang juga mengadakan program yang sedemikian? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**JAWAPAN:**

**Tuan Speaker,**

**Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no 84 daripada YB Sungai Panjang dan no 185 daripada YB Hulu Bernam bagi soalan berkaitan Skim Peduli Sihat.**

Program Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada tahun 2017 diteruskan pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Pada masa ini, program sebegini hanya terdapat di negeri Selangor dan menjadikan ianya terunggul di Malaysia. Sehingga 18 Mac 2018, sebanyak 320,647 Kad Peduli Sihat telah berdaftar dengan anggaran seramai 1,282,588 orang penerima manfaat.

Sebanyak 983 klinik panel yang telah berdaftar bagi menjayakan Skim Peduli Sihat manakala 36 buah lagi masih menunggu kelulusan. Bilangan ini mendekati sasaran Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 1,000 klinik panel.

Sejak pelaksanaan Skim Peduli Sihat pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM17,432,265.99 bagi menampung kos rawatan di klinik panel. Sebanyak 387,742 kali rawatan telah diterima oleh pemegang kad Peduli Sihat. Terdapat sebanyak 241,744 kad masih belum pernah digunakan pada tahun 2018.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan penerima manfaat, bilangan klinik panel dan jumlah perbelanjaan bagi pelaksanaan Skim Peduli Sihat mengikut pecahan DUN:

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH KAD</b>	<b>JUMLAH KLINIK PANEL</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>
N01 SUNGAI AIR TAWAR	3,198	(tiada klinik swasta)	353,924.10
N02 SABAK	2,786	3	217,417.20
N03 SUNGAI PANJANG	4,498	6	583,872.35
N04 SEKINCHAN	2,398	2	221,416.50
N05 HULU BERNAM	3,086	2	142,855.90
N06 KUALA KUBU BAHARU	2,083	6	160,786.90
N07 BATANG KALI	6,493	14	620,118.60
N08 SUNGAI BURONG	2,924	2	321,351.35
N09 PERMATANG	4,198	5	478,745.30
N10 BUKIT MELAWATI	3,838	3	567,586.00
N11 IJOK	1,966	5	233,526.80
N12 JERAM	4,265	10	479,579.65
N13 KUANG	4,147	7	368,236.40
N14 RAWANG	3,856	28	345,026.50
N15 TAMAN TEMPLER	3,417	12	302,967.95
N16 BATU CAVES	3,760	17	197,903.50
N17 GOMBAK SETIA	2,197	7	153,491.14

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH KAD</b>	<b>JUMLAH KLINIK PANEL</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>
N18 HULU KELANG	2,675	2	180,863.70
N19 BUKIT ANTARABANGSA	2,775	3	146,446.88
N20 LEMBAH JAYA	3,040	29	224,391.39
N21 CHEMPAKA	1,229	6	117,487.01
N22 TERATAI	1,917	2	87,760.25
N23 DUSUN TUA	2,205	9	146,660.70
N24 SEMENYIH	3,720	19	284,639.30
N25 KAJANG	2,826	38	225,159.00
N26 BANGI	3,068	26	302,350.02
N27 BALAKONG	1,336	10	115,215.25
N28 SERI KEMBANGAN	3,793	27	548,749.45
N29 SERI SERDANG	2,906	23	178,847.45
N30 KINRARA	2,575	34	192,022.55
N31 SUBANG JAYA	1,369	30	83,415.65
N32 SERI SETIA	3,213	18	373,377.85
N33 TAMAN MEDAN	3,382	18	379,400.35

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH KAD</b>	<b>JUMLAH KLINIK PANEL</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>
N34 BUKIT GASING	853	8	38,985.60
N35 KAMPUNG TUNKU	648	7	41,559.05
N36 DAMANSARA UTAMA	878	13	32,262.45
N37 BUKIT LANJAN	2,769	7	184,513.55
N38 PAYA JARAS	4,160	21	361,556.10
N39 KOTA DAMANSARA	2,829	28	177,865.76
N40 KOTA ANGGERIK	2,987	52	301,712.34
N41 BATU TIGA	3,274	29	323,668.72
N42 MERU	6,187	20	687,654.80
N43 SEMENTA	3,279	12	358,917.05
N44 SUNGAI PINANG	1,196	4	74,039.90
N45 SELAT KLANG	4,095	5	318,953.10
N46 PELABUHAN KLANG	2,439	26	297,106.45
N47 PANDAMARAN	3,127	6	343,790.50
N48 KOTA ALAM SHAH	1,664	7	63,978.98
N49 SERI ANDALAS	4,001	40	444,564.56
N50 SRI MUDA	2,269	31	205,359.50

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N51 SIJANGKANG	3,044	8	307,218.15
N52 TELOK DATOK	4,751	11	553,065.60
N53 MORIB	5,758	10	479,635.64
N54 TANJUNG SEPAT	4,858	4	639,805.19
N55 DENGKIL	4,639	17	657,403.15
N56 SUNGAI PELEK	4,107	7	689,389.40
KATEGORI KHAS / LUAR KAWASAN SELANGOR	145,696	187	513,667.51
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>320,647</b>	<b>983</b>	<b>17,432,265.99</b>

Menjawab kepada pertanyaan YB Kota Anggerik berkaitan pecahan penerima SPS mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 18 Mac 2018:

BANGSA	JUMLAH	PERATUSAN
MELAYU	162,249	50.60%
CINA	96,121	29.98%
INDIA	59,718	18.62%
ORANG ASLI	589	0.18%
LAIN-LAIN	1,970	0.61%
<b>JUMLAH</b>	<b>320,647</b>	<b>100.00%</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sehingga 2017, berapakah jumlah MITS yang telah memulakan beroperasinya?
- b) Berapakah bilangan keseluruhan pelajar dan guru mengikut daerah?
- c) Berapakah kos operasi bagi setiap MITS mengikut daerah?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Maahad Tahfiz Sains (MITS) seluruh Negeri Selangor hingga 2017 ialah 4 buah.
- b) Berikut adalah bilangan keseluruhan pelajar dan guru mengikut daerah:

<b>MITS</b>	<b>JUMLAH GURU</b>	<b>JUMLAH PELAJAR</b>
Kuala Langat	49	289
Klang	51	291
Sabak Bernam	47	287
Sepang	20	167
<b>Jumlah</b>	<b>167</b>	<b>1031</b>

- c) Anggaran kos operasi untuk setiap MITS bagi seorang pelajar MITS sebanyak RM 10,500.00 setahun. Kos ini merangkumi bayaran gaji guru, kakitangan sokongan lain, keselamatan, pembersihan, utiliti dan makan asrama. Tidak termasuk pembaikan, kos tambahan lain dari PIBG dan kos gantian perabot.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : HAIWAN LIAR - MASALAH MONYET DAN ANJING BANYAK KALI  
DIBANGKITKAN TETAPI TIADA TINDAKAN BERKESAN**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di DUN Ijok situasi ini semakin buruk dan membahayakan keselamatan penduduk. Apakah rancangan dan tindakan untuk mengatasi masalah ini?
- b) Sudahkah kaedah terkini yang berkesan diusahakan untuk mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak MDKS telah menjalankan aktiviti tangkapan dari semasa ke semasa dan mengikut aduan yang diterima , bersama kontraktor yang telah dilantik bagi kerja-kerja tangkapan anjing liar di bawah seliaan MDKS.

Bagi isu monyet liar, pihak MDKS telah memberi kerjasama bersama Pihak Perhilitan, dimana perangkap akan dipasang oleh pihak perhilitan dan dipantau bersama pihak MDKS, serta operasi bersepadu turut dijalankan bersama jika aduan kerap di terima. Pihak JKP juga boleh memainkan peranan bersama tangani isu ini, dengan memasang perangkap monyet, dan memaklumkan pada pihak Perhilitan jika, haiwan tersebut berjaya memasuki perangkap tersebut.

- b)
  - I. Masalah aduan anjing liar berkurangan dan dapat diatasi dengan adanya lantikan kontraktor bagi kerja-kerja tangkapan anjing liar dan menetapkan sasaran sebanyak 200 sebulan.
  - II. Membuka kaunter lesen anjing di setiap Zon, dapat memberi kemudahan kepada penduduk bagi masalah kekangan masa, membeli lesen anjing peliharaan, dalam masa yang sama penduduk mematuhi syarat pelihara anjing di kawasan taman.
  - III. Dengan kerjasama MDKS dengan Pihak Perhilitan, aduan isu monyet liar dapat dikurangkan dengan memasang perangkap.

- IV. Pihak Ahli Majlis atau Pengerusi tersebut juga disarankan, untuk memasang perangkap monyet bagi memberi kerjasama dengan Pihak Perhilitan bagi tangani isu ini bersama-sama Pihak yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEMBATALAN 9 PROJEK RUMAH SELANGORKU DI SELANGOR**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan punca dan sebab-sebab utama Kerajaan telah membatalkan 9 projek perumahan membina rumah selangorku di Selangor?
- b) Apakah tindakan diambil terhadap pemaju perumahan?
- c) Sila bekalkan maklumat terperinci lokasi tempat, nama pemaju dan anggaran kos pembinaan tapak projek.

**JAWAPAN:**

- a) Pemaju disyaratkan memulakan pembinaan Rumah Selangorku dalam tempoh masa 2 tahun daripada tarikh kelulusan MMKN. Sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat tersebut, tindakan penarikan balik akan diambil terhadap pemaju berkenaan.
- b) Bagi pemaju yang ditarik balik kelulusan MMKN, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan seperti :-
  - i. Kerajaan Negeri akan **menarik balik kelulusan MMKN** yang telah diperolehi oleh pihak pemaju.
  - ii. Mengesyorkan kepada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor untuk tindakan **memasukkan kaveat pendaftar** ke atas tanah tapak pembangunan Rumah Selangorku pemaju berkenaan dan kaveat tersebut hanya akan di tarik balik setelah pembangunan Rumah Kos Rendah / Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku di tanah berkenaan.
  - iii. **Menyenarai hitam** ahli Lembaga Pengarah syarikat pemaju yang telah dikenal pasti daripada menjalankan sebarang pemajuan pembangunan perumahan dan hartanah di Negeri Selangor serta akan di panjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tindakan penguatkuasaan.

- c) Berdasarkan rekod dan semakan di lapangan, terdapat 9 projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh MMKN tetapi sehingga kini masih gagal untuk memulakan pembinaan Rumah Selangorku di tapak dalam tempoh masa 2 tahun seperti mana yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Negeri.

Senarai lokasi tempat dan nama pemaju adalah seperti berikut :-

No	Pemaju	Lokasi Projek
1	Angkasa Indah Sdn Bhd	Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 17395 Lot 64681, Jalan PJS 9/1, PJS 9, Bandar Sunway, Subang Jaya, Mukim Damansara Daerah Petaling.
2	Valiant Plus Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 11847 Lot 83949 Mukim Klang, Daerah Klang.
3	D-Hill Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas GRN 49797 Lot 942 Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat
4	Sanjung Segar Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas Hakmilik HS(D) 67904 PT 3868 Dan HS(D) 67905 PT 3869 Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak.
5	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.)	Cadangan Rumah Selangorku di atas No Hakmilik PN 93260 Lot 23124
6	K.Y.K Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas HSD 134053 PT 69154 (sebahagian Lot asal 8597 Dan Lot 8598, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.
7	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik PM 854 GRN 54445 Lot 1048 dan sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak
8	Famemont Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik HSM 725 Lot 3622 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.

9	Hua Yang Berhad (Pemaju Asal Regal Form Sdn. Bhd.)	Cadangan Rumah Selangorku di atas HS(D) 154349 PT 74041, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat
---	--	---

Projek yang ditarik balik ini merupakan projek milikan syarikat swasta yang gagal mematuhi syarat kelulusan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, perincian kos pembinaan adalah maklumat sulit syarikat dan tidak disimpan oleh Kerajaan Negeri. Untuk makluman Y.B, anggaran kos pembinaan bagi projek berkenaan adalah berbeza mengikut lokasi dan jenis pembangunan yang telah diluluskan. Kos ini berbeza berdasarkan faktor teknikal seperti kos bahan binaan, kos kerja tanah, dan fi pembangunan dan fi konsultan yang akhirnya mempengaruhi anggaran kos pembinaan secara keseluruhannya.